

6 Januari 2018

Dadah bernilai RM42,425 dirampas

Dadah bernilai RM42,425 dirampas

KOTA KINABALU – Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah di pusat hiburan sekitar daerah ini dan Penampang serta merampas dadah bernilai RM42,425 pada serbuan yang dijalankan kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisyoner M. Chandra berkata, dalam serbuan antara pukul 11 pagi hingga 4 petang itu, pihaknya menahan tiga suspek yang aktif



CHANDRA

dalam pengedaran dadah di pusat hiburan di kedua-dua daerah terlibat.

Menurut Chandra, kesemua suspek rakyat tempatan berusia antara 32 hingga 42 tahun itu ditahan dalam beberapa serbuan berasingan di daerah ini dan Penampang.

“Dalam ketiga-tiga serbuan itu, kita merampas pelbagai jenis dadah termasuk sitaan harta melibatkan sebuah kenderaan Pero-

dua Viva dan wang tunai sebanyak RM1,000.

“Dadah yang dirampas adalah ketamin seberat 310 gram (g), pil ekstasi (437 biji), serbuk yang diper-cayai dadah (403.5g), pil eramin (5 biji) dan ganja (5g),” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, ujian air kencing mendapati kesemua suspek positif dadah dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 39A(2) akta yang sama.